

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### Industri hartanah lega OPR kekal 3 peratus

## Industri hartanah lega OPR kekal 3 peratus

**Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 3 peratus bulan ini memberi keleagaan kepada sektor hartanah dalam jangka pendek, sekali gus menyokong sentimen belian, demikian menurut penganalisis.**

MIDF Research dalam satu nota penyelidikan berkata, OPR yang tidak berubah adalah positif kepada sektor hartanah kerana sentimen belian dijangka kekal kukuh memandangkan secara lazimnya kadar penanda aras pinjaman domestik lebih tinggi meningkatkan kos pembiayaan pinjaman perumahan dan seterusnya mengurangkan minat pembelian rumah.

"Selain itu, OPR yang tidak berubah dijangka memberi manfaat kepada pemaju harta tanah dari segi kos pembiayaan.

"Kos pembiayaan untuk pemaju harta tanah dijangka kekal stabil dalam jangka masa terdekat memandangkan beberapa pemaju mempunyai pendedahan yang tinggi terhadap kadar hutang terapung," katanya.

Sementara itu, MIDF Research berkata, Indeks Hartanah KL mengatasi indeks penanda aras pasaran saham tempatan, KLCI pada separuh pertama 2023 dengan mencatatkan peningkatan 7.6 peratus berbanding penurunan KLCI 7.9 peratus.

Ia berkata, kaunter harta tanah menyaksikan minat dagangan

lebih kukuh apabila kenaikan OPR dihentikan seketika oleh BNM pada Januari 2023 dan Mac 2023.

Katanya, pemberhentian semestara waktu kenaikan OPR itu dijangka menyokong minat belian terhadap harta tanah.

"Selain itu, kami berpendapat kediaman tidak terjual yang semakin berkurangan pada suku pertama 2023 berikutnya pembukaan semula sempadan negara membantu menyokong sentimen saham harta tanah," katanya.

Mengikut perangkaan BNM, permohonan pinjaman untuk pembelian harta tanah meningkat semula pada Mei 2023 sebanyak 23 peratus dari bulan ke bulan selepas penurunan 23 peratus

bulan ke bulan pada April 2023.

Peningkatan semula ini mungkin disebabkan permohonan pinjaman lebih tinggi selepas rehat musim perayaan pada April 2023.

Jumlah pinjaman diluluskan bagi pembelian harta tanah juga meningkat 18 peratus pada Mei 2023.

MIDF Research berkata, peningkatan semula dalam data permohonan pinjaman dan pinjaman diluluskan pada Mei 2023 sedikit positif kepada sektor harta tanah kerana menandakan permintaan untuk harta tanah kekal disokong.

Manakala, prospek jualan harta tanah baru untuk pemaju dijangka menjadi lebih baik.